Nestlé
Good food, Good life

**NOTIS PENTING:**
**PERADUAN NESTLÉ GAJI SEUMUR HIDUP ("PROMOSI")**
**PINDAAN KEPADA TERMA DAN SYARAT**

---

**Pindaan ini (Versi 1.1) kepada Terma dan Syarat Versi 1 – Klausa 17 di: https://www.nestlehomeofgood.com.my/good-deals/gaji-seumur-hidup-2026 berhubung dengan Promosi ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta dan mengatasi, setakat mana terdapat sebarang percanggahan, Terma dan Syarat yang terdahulu.**

**TERMA DAN SYARAT (VERSI 1.1)**

| | |
|---|---|
| 17. **Produk & Jenama Tidak Turut Serta DIKEMASKINI:** | **Jenama NESTLÉ berikut tidak mengambil bahagian dalam promosi ini:**<br><br>1. NESTLÉ PROFESSIONAL (Please refer below for the products)<br><br>2. NESTLÉ INFANT FORMULA & FOLLOW ON FORMULA & SPECIALTIES - LACTOGEN, NAN, NAN H.A., PRE NAN, NAN TC, NAN LACTOSE FREE<br><br>3. WYETH INFANT FORMULA, GROWING UP MILK & MATERNAL MILK - S-26 BABY, S-26 PROGRESS, S-26 PROMISE, S-26 SMA, S-26 GOLD PROGRESS, S-26 GOLD PROMISE, ASCENDA, PROMAMA<br><br>4. STARBUCKS<br><br>5. NESPRESSO<br><br>6. NESTLÉ HEALTH SCIENCE - NOVASOURCE® RENAL, NUTREN, OPTIFAST, ORAL IMPACT, PEPTAMEN, RESOURCE FRUIT, BOOST ISOCAL.<br><br>7. PURINA PET CARE - FELIX WET CAT FOOD, FANCY FEAST WET CAT FOOD, FRISKIES WET AND DRY CAT FOOD, PURINA ONE WET AND DRY CAT FOOD, SUPERCOAT DRY DOG FOOD |

| BRAND | PRODUCT |
|---|---|
| WPS STARBUCKS | SBUX WB Dark Espresso Roast 6x1kg XK |
| WPS STARBUCKS | SBUX R&G PIKE PLACE 12x9oz XK |
| WPS STARBUCKS | SBUX WPS Syrup Caramel 6x1L N1 XO |
| WPS STARBUCKS | SBUX WPS Syrup Vanilla 6x1L N1 XO |
| WPS STARBUCKS | SBUX WPS Syrup Hazelnut 6x1L N1 XO |
| COFFEE MATE® | COFFEE-MATE NDC Stk MP 2(500x5g) N3 MY |
| COFFEE MATE® | COFFEE-MATE CoffCrmr 12x1000g N2 XO |
| KITKAT® | KK HtChoc Prmx 10x960g XX |
| MILO® | MILO Activ-Go 3.2kg Softpack MY |
| MILO® | MILO ACTIV-GO Softpack 6x3.2kgN1 MY |
| MILO® | MILO ACTIVGO BPck 6x3.5kgPR300gFreeMY |
| MILO® | MILO ACTIV-GO Softpack 6x3.5kgPR300gMY |
| MILO® | MILO ACTIVGO 2(150x15g) MY |
| MILO® | MILO ACTIV-GO 3in1 Orgl Stp 6(40x33g) MY |
| MILO® | MILO Mixes 3in1 Orgl Stp 6(40x33g)N1 MY |
| MILO® | MILO ACTIVGO 2(150x15g) N1 MY |
| MILO® | MILO ACTIV-GO Hot Mix 10x960g MY |
| MILO® | MILO Triple Conc BIB Region 2x5L MY |
| MILO® | MILO Liquid Concentrate BIB 2x5L N1 MY |
| MILO® | MILO Liquid Concentrate 12x1L MY |
| MILO® | MILO Hot Mix ACTIV-GO 10x960g MY |
| NESCAFE® | NESCAFE CLASSIC Refill Pack 12x500g N1XO |
| NESCAFE® | NESCAFE CLASSIC RP BPck12x550g PR50gN2MY |
| NESCAFE® | NESCAFE DECAF Sticks MP (280x1.7g) AU |
| NESCAFE® | NESCAFE GOLD Stickpack (300x2g) MY |
| NESCAFE® | NESCAFE CLASSIC Stp MP 2(480x2g) XO |
| NESCAFE® | NESCAFE CLASSIC Sachet 90x20g MY |
| NESCAFE® | NESCAFE Ice 10x750g N1 MY |
| NESCAFE® | NESCAFE White Coffee 16x1kg MY |
| NESCAFE® | NESCAFE High Roast 12x250g N1 MY |
| NESCAFE® | NESCAFE Tongkat Ali 16x1kg MY |
| NESCAFE® | NESCAFE ALEGRIA Delicate Pouch12x250g XI |
| NESCAFE® | NESCAFE Excellente 12x0.5kg VN |
| NESCAFE® | NESCAFE Aromatico 12x0.5kg VN |
| NESCAFE® | NESCAFE WB Excellente 12x0.5kg N1 VN |
| NESCAFE® | NESCAFE WB Aromatico 12x0.5kg N1 VN |
| NESCAFE® | NESCAFE WB Superiore 6x1kg RA XK |
| NESCAFE® | NESCAFE Tongkat Ali 16x1kg N1 MY |
| NESCAFE® | NESCAFE White Coffee 16x1kgN1MY |
| NESCAFE® | NESCAFE 2In1 16x900g N2 MY |
| NESCAFE® | NESCAFE Salted Caramel Latte 16x1kg MY |
| NESCAFE® | NESCAFE DELICATE Pouch 12x250g N1 XI |

| | |
|---|---|
| NESTEA® | NESTEA Lemon Tea 16x560g MY |
| NESTEA® | Nestea Lemon Tea 16x560g N1 MY |
| NESTEA® | Nestea Peach Tea 16x680g N1 MY |
| NESTEA® | NESTEANProHouseBlendExp12x200gPH |
| NESTEA® | NESTEA Black Tea 10x100g MY |
| NESTEA® | NESTEA Teh Tarik 16x960g N1 MY |
| NESTLÉ® | NESTLE Orange Drink 16x640gMY |
| NESTLÉ® | NESTLE PinkLycheeLemonade Exp 12x200g PH |
| NESTLÉ® | NESTLE NPro Lemonade Exp 12x200gPH |
| NESTLÉ® | NESTLE Complete Mix Hot Choc 12x750g AU |
| NESTLÉ® | NESTLE MILANO HfSkMPwdr 15.5% 10x500g XI |
| SJORA® | SJORA Lychee Berry 12x1L MY |
| SJORA® | SJORA Mango Peach Conc Rdcd Sgr 12x1L MY |
| SJORA® | SJORA Mango Peach Conc Rdcd Sgr 2x4L MY |
| SJORA® | SJORA MangoPeachConc Sgr Tax 2x4L N1XO |
| SJORA® | SJORA MangoPeachConc Sgr Tax 12x1L N1XO |

| | |
|---|---|
| **BUITONI®** | BUITONI Coulis de Tomate |
| **MAGGI®** | MAGGI NPro Mashed PotatoCmplMix6x2.5kgXK |
| **MAGGI®** | MAGGI Seasoning 6x800ml N1 MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Spicy Liquid Seasoning 6x400ml MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Beef Stock 8x1kg N1 MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Chicken Stock 8x1kg N1 MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Chicken Stock Wholeness 8x1KG MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Demi-Glace Brown Sauce 8x1kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Ikan Bilis Stock 8x1kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Instant ChickenGravy NAMSG 8x1kgMY |
| **MAGGI®** | MAGGI Chef Master Stock 6x1.2kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Concentrate Veg Stock 6x1.2kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Concentrated Chkn Stock 6x1.2kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Conc Chicken Stock No MSG 6x1.2kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Tomato Paste 4x4.5kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Basic Brown Sauce Mix 8x1kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Chilli Sauce 12x1.5kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Chilli Sauce 6x3.3kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Imperial Oyster FlvSauce 6x3.3kgMY |
| **MAGGI®** | MAGGI Oyster Flavoured Sauce 12x1.5kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Panggang Sauce 6x1.2kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Tomato Ketchup 12x1.5kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Tomato Ketchup 6x3.3kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Cream of Mushroom Soup 8x1kg MY |
| **MAGGI®** | MAGGI Cukup Rasa AIO 10x750g MY |
| **NESTUM** | NESTUM All FamilyCerealOriginal 6x1kgMY |

| | |
|---|---|
| **Cadbury** | CADBURY Ice Cream Stick 24x80ml XO |
| **Cadbury** | CADBURY Hazelnut Stick 24x80ml XO |
| **Oreo** | OREO IC Cone 20x110ml MY |
| **Oreo** | OREO Ice Cream Pint 12x750ml XO |
| **Oreo** | OREO Stick 18x60g XX |
| **Oreo** | OREO Sandwich Mini 24x38g MY |
| **Oreo** | OREO Mini Sandwich MP 12(5x38g) XX |

# TERMA DAN SYARAT (VERSI 1)

## A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

| | |
|---|---|
| 1. **Penganjur:** | Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966). |
| 2. **Promosi:** | PERADUAN NESTLÉ GAJI SEUMUR HIDUP. |
| 3. **Tempoh Promosi:** | Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/08/2026 dan ditutup jam 23:59:59 pada 30/09/2026. |
| 4. **Kelayakan:** | Kempen ini dibuka kepada semua **warganegara Malaysia** berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah dan beralamat rumah di Malaysia ("Peserta"). Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri. |
| 5. **Produk Turut Serta:** | a. **Kesemua** produk Nestlé Malaysia layak menyertai Promosi ini ("Produk"), **kecuali** semua jenama dan produk yang tidak turut serta seperti yang disenaraikan.<br><br>b. Bagi jenama dan produk yang tidak turut serta, sila rujuk Klausa 17 dalam Jadual ini di bawah. |
| 6. **Kaedah Penyertaan:** | a. Untuk menyertai Promosi ini, beli mana-mana Produk dengan nilai minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) ("Pembelian Minimum") dalam satu resit asal daripada mana-mana outlet dalam kedai ("Resit") dan/atau invois daripada mana-mana platform dalam talian ("Invois") ("Bukti Pembelian") bertarikh dari **21/07/2026 hingga 30/09/2026**.<br><br>b. Resit Outlet di dalam kedai:<br>i. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem point-of-sale Outlet untuk pembelian di dalam kedai Outlet. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo Outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicop dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat.<br>ii. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk dan nombor Resit ("Butiran Resit").<br><br>c. Invois Peniaga Dalam Talian:<br>i. Invois boleh didapati berupa tangkapan skrin invois untuk pembelian dalam talian daripada peniaga dalam talian. Invois mesti mengandungi nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau baucar diskaun, jumlah pembayaran akhir Produk mestilah jumlah Pembelian Minimum dan ke atas untuk layak.<br>ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor pesanan dan/atau invois, dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian ("Butiran Invois"). |

| | |
|---|---|
| | d. Terdapat dua (2) kaedah penyertaan dalam Promosi iaitu sama ada melalui Laman Web Promosi <u>ATAU</u> melalui WhatsApp. Semua kaedah penyerahan lain akan dibatalkan.<br><br>e. <u>Penyerahan Penyertaan melalui Laman Web Promosi:</u><br>i. Lawati Laman Web Promosi di: https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/gaji-seumur-hidup-2026 ("Laman Web Promosi") atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang mengambil bahagian dan lengkapkan Borang Web.<br>ii. Lengkapkan semua butiran peribadi yang diperlukan termasuk negeri kediaman ("Butiran Peribadi") pada Borang Web dan nombor mudah alih berdaftar di Malaysia yang serasi dengan WhatsApp untuk komunikasi lanjut.<br>iii. Tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png ("Imej") Bukti Pembelian.<br>iv. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Bukti Pembelian, dan saiz fail Imej mesti kurang daripada 5MB.<br>v. Muat naik Imej pada Borang Web dan klik 'hantar' ("Penyertaan").<br>vi. Penganjur akan memaparkan mesej Terima Kasih untuk setiap Penyertaan yang diterima.<br><br>f. <u>Penyerahan Penyertaan melalui WhatsApp</u>:<br>i. Tangkap satu (1) gambar/imej <u>yang jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpg atau jpeg atau png Bukti Pembelian ("Imej").<br>ii. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Bukti Pembelian sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB.<br>iii. Hantar Imej melalui WhatsApp ke Nombor WhatsApp Rasmi PERADUAN NESTLÉ GAJI SEUMUR HIDUP: **+6018 322 3320** ("Nombor WhatsApp Rasmi Promosi") dengan menggunakan nombor mudah alih yang berdaftar di Malaysia.<br>iv. Selepas menghantar Imej anda, anda akan menerima mesej auto-balas yang akan meminta anda memberikan nama penuh dan nombor pengenalan anda ("Butiran Peribadi"). Untuk melengkapkan pendaftaran dan penyerahan penyertaan anda ("Penyertaan"), sila ikuti arahan dalam mesej auto-balas tersebut dan hantar Butiran Peribadi serta semua maklumat lain yang diperlukan dengan serta merta.<br>v. Anda boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang anda inginkan menggunakan nombor mudah alih yang sama, tetapi anda dikehendaki memberikan Butiran Peribadi anda sekali sahaja oleh kerana semua Penyertaan seterusnya akan dipautkan kepada Butiran Peribadi yang diberikan pada mulanya.<br>vi. Penganjur akan menghantar mesej perakuan auto-balas untuk Penyertaan WhatsApp pertama yang diterima daripada setiap nombor mudah alih sahaja. |

| | |
|---|---|
| | g. Peserta boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang mereka inginkan tetapi setiap Bukti Pembelian HANYA layak untuk satu (1) penyertaan Laman Web Promosi ATAU satu (1) penyerahan penyertaan WhatsApp.<br><br>h. Setiap Penyertaan yang diterima akan disahkan dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang layak (setiap "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan-penyertaan Layak"). Penganjur berhak membatalkan kelayakan mana-mana Penyertaan selaras dengan Perenggan 4 dalam Syarat Penyertaan di bawah, termasuk Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap atau tidak sepadan, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca, penyerahan berulang, mengandungi lebih daripada satu (1) Bukti Pembelian, dan/atau di mana Bukti Pembelian tidak boleh dibaca, tidak lengkap, dicetak semula, diduplikasi, tidak jelas, rosak, ditukar dan/atau diubah suai dalam apa jua cara.<br><br>i. Semua Penyertaan akan disemak untuk pendua berdasarkan nama penuh Peserta, nombor pengenalan dan nombor mudah alih yang diserahkan. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta. Penganjur juga boleh, tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta, membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli oleh Peserta.<br><br>j. Penganjur berhak untuk meminta bukti salinan cetak Bukti Pembelian asal seperti imej yang diterima dalam Penyertaan Layak sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan. |
| 7. **<u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>** | Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur dalam Tempoh Promosi. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik. |
| 8. **<u>Hadiah:</u>** | a. <u>Hadiah Seluruh Negara</u>: Sepanjang Tempoh Promosi, semua Peserta berpeluang untuk memenangi Ganjaran Istimewa dan Hadiah Utama (“Hadiah Seluruh Negara”). Sila rujuk Klausa 10 hingga 13 dalam Jadual ini di bawah.<br><br>b. <u>Hadiah Outlet Eksklusif</u>: Sepanjang Tempoh Promosi, Peserta yang membuat Pembelian Minimum dari mana-mana lima (5) outlet eksklusif dalam kedai yang disenaraikan di bawah juga berpeluang untuk memenangi hadiah tambahan (“Hadiah Outlet Eksklusif”). Sila rujuk Klausa 14 hingga 16 dalam Jadual ini di bawah. |

| NO | OUTLET EKSKLUSIF | PEMBELIAN MINIMUM |
|---|---|---|

| | | |
|---|---|---|
| 1 | LOTUS'S | Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) |
| 2 | 99SPEEDMART | |
| 3 | ECONSAVE & BATARAS | Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) |
| 4 | TF VALUE MART | |
| 5 | MYDIN | Ringgit Malaysia Empat Puluh (RM40) |

9. **Peruntukan Nombor Bersiri dan Kaedah Senarai Pendek:**

**BAHAGIAN A – Peruntukan Nombor Bersiri**

a. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri berdasarkan nilai pembelian Produk yang dinyatakan pada Bukti Pembelian yang dihantar, seperti berikut:
   i. Hadiah Seluruh Negara dan Hadiah Outlet Eksklusif (untuk LOTUS'S dan 99 SPEEDMART) :
      Bagi setiap pembelian Produk bernilai Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20), satu (1) nombor bersiri akan diperuntukkan.
   ii. Hadiah Outlet Eksklusif (untuk TF VALUE-MART dan ECONSAVE & BATARAS):
      Bagi setiap pembelian Produk bernilai Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30), satu (1) nombor bersiri akan diperuntukkan.
   iii. Hadiah Outlet Eksklusif (untuk MYDIN sahaja):
      Bagi setiap pembelian Produk bernilai Ringgit Malaysia Empat Puluh (RM40), satu (1) nombor bersiri akan diperuntukkan.
   iv. Maksimum lima belas (15) nombor bersiri akan diperuntukkan bagi setiap Bukti Pembelian. Sebarang baki jumlah dalam Bukti Pembelian akan dibatalkan setelah jumlah maksimum nombor bersiri diperuntukkan.

b. Contoh – Pembelian Minimum RM20 (Hadiah Seluruh Negara dan Hadiah Outlet Eksklusif – untuk LOTUS'S dan 99 SPEEDMART):
   i. Pembelian Produk bernilai RM22.00 dalam satu Bukti Pembelian sepanjang Tempoh Promosi akan diperuntukkan satu (1) nombor bersiri.
   ii. Pembelian Produk bernilai RM85.00 dalam satu Bukti Pembelian sepanjang Tempoh Promosi akan diperuntukkan empat (4) nombor bersiri.
   iii. Pembelian Produk bernilai RM350.00 dalam satu Bukti Pembelian sepanjang Tempoh Promosi akan diperuntukkan jumlah maksimum lima belas (15) nombor bersiri.

c. Contoh – Pembelian Minimum RM30 (Hadiah Outlet Eksklusif – untuk TF VALUE-MART dan ECONSAVE & BATARAS):
   i. Pembelian Produk bernilai RM22.00 dalam satu Bukti Pembelian TF VALUE-MART semasa Tempoh Promosi akan diperuntukkan satu (1) nombor bersiri bagi Hadiah Seluruh Negara sahaja. Tiada nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Hadiah Outlet Eksklusif TF VALUE-MART.
   ii. Pembelian Produk bernilai RM350.00 dalam satu Bukti Pembelian ECONSAVE semasa Tempoh Promosi akan diperuntukkan lima belas (15)

| | |
|---|---|
| | nombor bersiri bagi Hadiah Seluruh Negara dan sebelas (11) nombor bersiri untuk Hadiah Outlet Eksklusif ECONSAVE.<br>iii. Pembelian Produk bernilai RM480.00 dalam satu Bukti Pembelian TF VALUE-MART semasa Tempoh Promosi akan diperuntukkan lima belas (15) nombor bersiri bagi Hadiah Seluruh Negara dan lima belas (15) nombor bersiri untuk Hadiah Outlet Eksklusif TF VALUE-MART.<br><br>d. Contoh – Pembelian Minimum RM40 (Hadiah Outlet Eksklusif – bagi MYDIN sahaja):<br>iv. Pembelian Produk bernilai RM22.00 dalam satu Bukti Pembelian MYDIN semasa Tempoh Promosi akan diperuntukkan satu (1) nombor bersiri bagi Hadiah Seluruh Negara sahaja. Tiada nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Hadiah Outlet Eksklusif MYDIN.<br>v. Pembelian Produk bernilai RM46.00 dalam satu Bukti Pembelian MYDIN semasa Tempoh Promosi akan diperuntukkan dua (2) nombor bersiri bagi Hadiah Seluruh Negara dan satu (1) nombor bersiri untuk Hadiah Outlet Eksklusif MYDIN.<br>vi. Pembelian Produk bernilai RM350.00 dalam satu Bukti Pembelian MYDIN semasa Tempoh Promosi akan diperuntukkan lima belas (15) nombor bersiri bagi Hadiah Seluruh Negara dan lapan (8) nombor bersiri untuk Hadiah Outlet Eksklusif MYDIN.<br>vii. Pembelian Produk bernilai RM650.00 dalam satu Bukti Pembelian MYDIN semasa Tempoh Promosi akan diperuntukkan lima belas (15) nombor bersiri bagi Hadiah Seluruh Negara dan lima belas (15) nombor bersiri untuk Hadiah Outlet Eksklusif MYDIN.<br><br>**BAHAGIAN B - Kaedah Senarai Pendek (digunakan apabila Terma dan Syarat ini memerlukan Finalis disenarai pendek)**<br><br>a. Apabila Terma dan Syarat ini memerlukan senarai pendek Finalis bagi mana-mana kategori hadiah, Penganjur akan:<br>i. memperuntukkan nombor bersiri kepada Penyertaan Layak yang berkaitan di bawah Bahagian A, bermula dengan nombor bersiri “1”;<br>ii. menyusun kira nombor bersiri tersebut untuk mendapatkan jumlah Penyertaan Layak bagi kategori tersebut (“Kumpulan Penyertaan”), berdasarkan asas (mingguan atau sepanjang Tempoh Promosi; seluruh negara, mengikut outlet atau mengikut wilayah) yang dinyatakan dalam klausa berkaitan;<br>iii. membahagikan Kumpulan Penyertaan dengan jumlah Finalis yang akan disenarai pendek bagi kategori tersebut dan membundarkan hasil pengiraan ke bawah kepada nombor bulat terdekat untuk mendapatkan selang pemilihan (“N”); dan<br>iv. menyenarai pendek, secara turutan, Penyertaan Layak yang mempunyai nombor bersiri N, 2N, 3N dan seterusnya sehingga jumlah Finalis yang diperlukan dicapai. |

b. Contoh – jika Kumpulan Penyertaan adalah 10,001 dan 1,000 Finalis diperlukan, maka 10,001 ÷ 1,000 = 10.01, dibundarkan ke bawah kepada 10 (N = 10). Penyertaan Layak dengan nombor bersiri 10, 20, 30, 40 dan seterusnya akan disenarai pendek.

c. Bagi mengelakkan keraguan, senarai pendek di bawah Bahagian B ini hanya mengenal pasti "Finalis" sahaja. Seseorang Finalis hanya akan menjadi "Pemenang" selepas memenuhi elemen kemahiran yang berkaitan di bawah Klausa 16(b) dalam Jadual ini di bawah (iaitu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul atau, bagi Hadiah Utama, menyertai dan melengkapkan Cabaran sebagai Finalis Cabaran seperti yang diperincikan di bawah Klausa 12(b)).

10. **<u>Hadiah Seluruh Negara:– Ganjaran Istimewa:</u>**

a. Terdapat jumlah keseluruhan sepuluh ribu (10,000) Ganjaran Istimewa untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi. Setiap Ganjaran Istimewa berupa satu (1) PIN Tambah Nilai TNG eWallet bernilai Ringgit Malaysia Seratus (RM100).

b. Ganjaran Istimewa akan diberikan berdasarkan tarikh Penganjur menerima Penyertaan Layak, mengikut peruntukan mingguan berikut:

| TEMPOH MINGGU | DARI / SEHINGGA | GANJARAN ISTIMEWA (UNIT) |
|---|---|---|
| Minggu 1 | 01/08/2026 – 07/08/2026 | 1000 |
| Minggu 2 | 08/08/2026 – 14/08/2026 | 1000 |
| Minggu 3 | 15/08/2026 – 21/08/2026 | 1000 |
| Minggu 4 | 22/08/2026 – 28/08/2026 | 1000 |
| Minggu 5 | 29/08/2026 – 04/09/2026 | 1000 |
| Minggu 6 | 05/09/2026 – 11/09/2026 | 1000 |
| Minggu 7 | 12/09/2026 – 18/09/2026 | 1000 |
| Minggu 8 | 19/09/2026 – 25/09/2026 | 1500 |
| Minggu 9 | 26/09/2026 – 30/09/2026 | 1500 |

11. **<u>Senarai pendek Finalis untuk Hadiah Seluruh Negara:– Ganjaran Istimewa:</u>**

a. Finalis Ganjaran Istimewa akan disenarai pendek **setiap minggu** dengan menggunakan Kaedah Penyaringan dalam **Klausa 9 (Bahagian B)** Jadual ini, di mana:

i. Kumpulan Penyertaan adalah jumlah Penyertaan Layak Mingguan yang diterima di seluruh negara bagi minggu tersebut; dan

ii. jumlah Finalis yang akan disenarai pendek adalah angka mingguan dalam jadual di Klausa 10(b) di atas (1,000 bagi Minggu 1–7; 1,500 bagi Minggu 8–9).

| | |
|---|---|
| 12. **Hadiah Seluruh Negara – Hadiah Utama:** | a. Sebagai tambahan kepada Ganjaran Istimewa, terdapat jumlah keseluruhan dua puluh satu (21) Hadiah Utama untuk dimenangi di bawah kategori Hadiah Seluruh Negara di akhir Tempoh Promosi, berupa satu (1) Hadiah Utama, dua (2) Hadiah Pertama dan lapan belas (18) Hadiah Sagu Hati.<br><br>b. Sejumlah dua puluh satu (21) Peserta akan disenarai pendek dan dijemput untuk menyertai Cabaran Akhir NESTLÉ 2026 (“Cabaran”) sebagai “Finalis Cabaran”. Hadiah Utama yang akan diberikan kepada setiap Finalis Cabaran akan ditentukan melalui Cabaran tersebut.<br><br>c. **Hadiah Utama**<br>i. Hadiah Utama akan terdiri daripada bayaran tunai bulanan – “gaji seumur hidup” berjumlah Ringgit Malaysia Tiga Ribu Lima Ratus (RM3,500) sehingga tempoh lima puluh (50) tahun (bersamaan dengan enam ratus (600) bayaran bulanan), tertakluk kepada Terma dan Syarat ini. Bayaran bulanan tersebut akan dihentikan apabila berlaku **mana-mana perkara berikut terlebih dahulu**:<br>• tamatnya tempoh pembayaran selama lima puluh (50) tahun; **atau**<br>• kematian Pemenang.<br>Apabila mana-mana perkara tersebut berlaku, Penganjur tidak lagi mempunyai sebarang tanggungjawab untuk membuat sebarang bayaran atau memberikan sebarang manfaat berkaitan dengan Hadiah Utama.<br>ii. Butiran penuh dan keperluan bagi pemenuhan Hadiah Utama akan didedahkan kepada Pemenang selepas tamat Cabaran dan pengumuman Pemenang Hadiah Utama dibuat.<br>iii. Penganjur boleh melantik ejen pihak ketiga, termasuk mana-mana syarikat insurans, institusi kewangan dan/atau syarikat amanah (“Ejen”), untuk mentadbir dan memenuhi Hadiah Utama. Pemenang hendaklah menandatangani semua dokumen yang diperlukan oleh Ejen dalam bentuk dan cara yang ditetapkan oleh Ejen. Mana-mana Hadiah Utama yang ditadbir oleh Ejen adalah tertakluk kepada terma dan syarat Ejen tersebut.<br>iv. Hadiah Utama adalah tidak boleh dipindah milik, ditukar atau ditebus, kecuali selaras dengan Terma dan Syarat ini. Penganjur boleh membatalkan, menggantung dan/atau melucutkan Hadiah Utama, termasuk sebarang bayaran yang masih belum dibayar jika Pemenang gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.<br><br>d. **Hadiah Pertama**<br>i. Terdapat dua (2) Hadiah Pertama untuk dimenangi. Setiap Hadiah Pertama berupa hadiah wang tunai bersamaan dengan gaji selama dua (2) tahun, dikira berdasarkan Ringgit Malaysia Tiga Ribu Lima Ratus (RM3,500) sebulan untuk dua puluh empat (24) bulan.<br>ii. Hadiah Pertama akan dibayar sebagai bayaran sekali gus berjumlah Ringgit Malaysia Lapan Puluh Empat Ribu (RM84,000) kepada setiap Pemenang Hadiah Pertama. |

| | |
|---|---|
| | iii. Semua Pemenang Hadiah Pertama akan menerima cek yang dikeluarkan atas nama masing-masing selepas tamat Cabaran dan pengumuman Pemenang Hadiah Utama dibuat.<br><br>e. **<u>Hadiah Sagu Hati</u>**<br>i. Terdapat lapan belas (18) Hadiah Sagu Hati untuk dimenangi. Setiap Hadiah Sagu Hati berupa hadiah wang tunai bersamaan dengan gaji selama satu (1) tahun, dikira berdasarkan Ringgit Malaysia Tiga Ribu Lima Ratus (RM3,500) sebulan untuk dua belas (12) bulan.<br>ii. Hadiah Sagu Hati akan dibayar sebagai bayaran sekali gus berjumlah Ringgit Malaysia Empat Puluh Dua Ribu (RM42,000) kepada setiap Pemenang Hadiah Sagu Hati.<br>iii. Semua Pemenang Hadiah Sagu Hati akan menerima cek yang dikeluarkan atas nama masing-masing selepas tamat Cabaran dan pengumuman Pemenang Hadiah Utama dibuat.<br><br>f. Finalis Cabaran akan disenarai pendek berdasarkan tarikh Penganjur menerima Penyertaan Layak, mengikut peruntukan berikut: |

| TEMPOH MINGGUAN | DARI / HINGGA | FINALIS CABARAN (ORANG) |
|---|---|---|
| Minggu 1 | 01/08/2026 – 07/08/2026 | 2 |
| Minggu 2 | 08/08/2026 – 14/08/2026 | 2 |
| Minggu 3 | 15/08/2026 – 21/08/2026 | 2 |
| Minggu 4 | 22/08/2026 – 28/08/2026 | 2 |
| Minggu 5 | 29/08/2026 – 04/09/2026 | 2 |
| Minggu 6 | 05/09/2026 – 11/09/2026 | 2 |
| Minggu 7 | 12/09/2026 – 18/09/2026 | 2 |
| Minggu 8 | 19/09/2026 – 25/09/2026 | 2 |
| Minggu 9 | 26/09/2026 – 30/09/2026 | 2 |
| Minggu 1 hingga Minggu 9 | 01/08/2026 – 30/09/2026 | 3 |

| | |
|---|---|
| 13. **<u>Senarai Pendek Finalis Cabaran Seluruh Negara – Hadiah Utama:</u>** | a. Finalis Cabaran akan disenarai pendek dengan menggunakan Kaedah Penyaringan dalam **Klausa 9 (Bahagian B)** Jadual ini, seperti berikut:<br>i. <u>Finalis Cabaran 1 hingga 18</u>:<br>Disenarai pendek setiap minggu daripada jumlah Penyertaan Layak Mingguan, dengan memilih dua (2) Finalis Cabaran bagi setiap minggu untuk Minggu 1 hingga 9.<br>ii. <u>Finalis Cabaran 19 hingga 21</u>:<br>Disenarai pendek pada akhir Tempoh Promosi daripada jumlah Penyertaan Layak (yang diterima di seluruh negara sepanjang Tempoh Promosi), dengan memilih tiga (3) Finalis Cabaran. |

| | |
|---|---|
| 14. **<u>Hadiah Outlet Eksklusif:</u>** | a. Semua Peserta dengan pembelian daripada mana-mana Outlet Eksklusif sepanjang Tempoh Promosi akan layak untuk memenangi satu (1) <u>Hadiah tambahan.</u><br><br>b. Berikut ialah butiran Hadiah Outlet Eksklusif: |

| NO | OUTLET EKSKLUSIF | TEMPOH PEMILIHAN HADIAH | HADIAH TAMBAHAN UNTUK DIMENANGI |
|---|---|---|---|
| 1 | **TF VALUE-MART** | Mingguan | **Satu (1) Hadiah Utama Mingguan** untuk dimenangi setiap minggu selama sembilan (9) minggu berturut-turut. Setiap satu ialah Jongkong Emas 2g 999.9/24K bernilai kira-kira RM1,380.*<br>** Nilai Hadiah Utama adalah betul pada masa percetakan. Nilai emas adalah berdasarkan harga emas semasa. Sijil ketulenan HABIB Jewel akan disertakan di atas pembungkusan.* |
| | | | **Sepuluh (10) Hadiah Sagu Hati Mingguan** untuk dimenangi setiap minggu selama sembilan (9) minggu berturut-turut. Setiap satu ialah Baucar TF VALUE-MART bernilai RM100. |
| 2 | **99 SPEEDMART** | Di Akhir Tempoh Promosi | **Empat puluh (40) Hadiah Utama** untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi, setiap satu ialah 99-Second 99 SPEEDMART Mini Market Sweep*, yang diperuntukkan mengikut wilayah:<br>Wilayah Sabah – Lima (5) Pemenang<br>Wilayah Sarawak – Tiga (3) Pemenang<br>Wilayah Utara – Tujuh (7) Pemenang<br>Wilayah Selatan – Tujuh (7) Pemenang<br>Wilayah Pantai Timur – Empat (4) Pemenang<br>Wilayah Sentral – Empat belas (14) Pemenang |
| 3 | **ECONSAVE & BATARAS** | Di Akhir Tempoh Promosi | **Dua ratus (200) Hadiah** untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi, setiap satu ialah Baucar ECONSAVE atau BATARAS bernilai Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lima Puluh (RM350), yang diperuntukkan mengikut Outlet:<br><br>ECONSAVE – dua ratus (200) Pemenang, dan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | BATARAS – dua ratus (200) Pemenang. |
| 4 | **LOTUS'S** | Di Akhir Tempoh Promosi | Lima puluh (50) **Hadiah Utama** untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi. Setiap satu ialah baucar LOTUS'S bernilai RM2,400 (RM200/bulan x 12), yang dikeluarkan dalam satu pengeluaran. |
| 5 | **MYDIN** | Di Akhir Tempoh Promosi | **Lapan belas (18)** Hadiah Utama untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi. Setiap satu ialah *3-Minute MYDIN Super Market Sweep* bernilai sehingga RM1,500.* |

**Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua perbelanjaan perjalanan yang ditanggung berkaitan dengan penyertaan mereka dalam acara 99-Second 99 SPEEDMART Mini Market Sweep dan 3-Minute MYDIN Super Market Sweep, termasuk (tetapi tidak terhad kepada) pengangkutan, penginapan, makanan, bayaran parkir, caj tol, kos bahan api dan sebarang perbelanjaan sampingan atau perbelanjaan lain yang dibayar sendiri. Penganjur tidak bertanggungjawab untuk membayar balik kepada Pemenang bagi sebarang perbelanjaan tersebut melainkan dipersetujui sebaliknya secara bertulis.*

15. **Senarai pendek Finalis - Hadiah Outlet Eksklusif:**

**Tempoh Pemilihan Hadiah – Mingguan**

**TF Value-Mart:**

a. Finalis Hadiah Outlet Eksklusif "mingguan" (TF Value Mart) akan disenarai pendek setiap minggu dengan menggunakan Kaedah Penyaringan dalam Klausa 9 (Bahagian B) di atas, di mana:
   i. Kumpulan Penyertaan adalah jumlah Penyertaan Layak Mingguan TF Value; dan
   ii. jumlah yang akan disenarai pendek adalah satu (1) Finalis Hadiah Utama Mingguan dan sepuluh (10) Finalis Hadiah Sagu Hati Mingguan.

**Tempoh Pemilihan Hadiah – Di Akhir Tempoh Promosi**

**99 Speedmart; Econsave & Bataras; Lotus's dan Mydin:**

b. Finalis Hadiah Outlet Eksklusif "di akhir Tempoh Promosi" (99 Speedmart; Econsave & Bataras; Lotus's dan Mydin) akan disenarai pendek pada akhir Tempoh Promosi dengan menggunakan Kaedah Penyaringan dalam Klausa 9 (Bahagian B), di mana Kumpulan Penyertaan adalah jumlah Penyertaan Layak

| | |
|---|---|
| | setiap outlet bagi keseluruhan Tempoh Promosi dan jumlah yang akan disenarai pendek adalah seperti berikut:<br>i. 99 Speedmart — disenarai pendek mengikut wilayah (berdasarkan lokasi outlet 99SPEEDMART yang mengambil bahagian, dan bukan mengikut outlet): Sabah – lima (5), Sarawak – tiga (3), Utara – tujuh (7), Selatan – tujuh (7), Pantai Timur – empat (4), Sentral – empat belas (14);<br>ii. Econsave & Bataras – disenarai pendek mengikut outlet: Econsave – dua ratus (200) dan Bataras – dua ratus (200);<br>iii. Lotus's – lima puluh (50);<br>iv. Mydin – lapan belas (18). |
| 16. **Terma Tambahan:** | a. Setiap Peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:<br>i. satu (1) Ganjaran Istimewa Seluruh Negara setiap minggu sehingga maksimum dua (2) Ganjaran Istimewa Seluruh Negara,<br>ii. satu (1) Hadiah Utama Seluruh Negara dengan nilai tertinggi,<br>iii. satu (1) Outlet Eksklusif – Hadiah Utama Mingguan TF VALUE-MART dan satu (1) Hadiah Sagu Hati Mingguan,<br>iv. satu (1) Outlet Eksklusif – Hadiah 99SPEEDMART,<br>v. satu (1) Outlet Eksklusif – Hadiah ECONSAVE & BATARAS,<br>vi. satu (1) Outlet Eksklusif – Hadiah LOTUS'S, dan<br>vii. satu (1) Outlet Eksklusif – Hadiah MYDIN.<br><br>b. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih Ganjaran Istimewa Seluruh Negara dan Finalis Hadiah Outlet Eksklusif melalui Nombor WhatsApp Promosi menggunakan nombor telefon bimbit yang dihantar semasa penyerahan Penyertaan. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab, dan berhak untuk senarai pendek Finalis lain atas budi bicara Penganjur. Finalis yang menjawab soalan dengan betul dalam masa yang dinyatakan akan dianggap sebagai Pemenang ("Pemenang").<br><br>c. Penganjur akan menghubungi semua Finalis Cabaran Hadiah Utama Hadiah Seluruh Negara yang telah disenarai pendek melalui Nombor WhatsApp Promosi menggunakan nombor telefon bimbit yang dihantar semasa penyerahan Penyertaan. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis Cabaran tidak dapat dihubungi atas apa-apa sebab dan berhak untuk menyenarai pendek Finalis Cabaran yang lain atas budi bicara Penganjur. Semua Finalis Cabaran:<br>i. Akan dijemput untuk menyertai Cabaran Akhir NESTLÉ 2026 ("Cabaran"). Penganjur akan memaklumkan kepada Finalis Cabaran mengenai lokasi, tarikh dan masa Cabaran.<br>ii. Dikehendaki menghadiri sesi temu bual, sesi fotografi, rakaman video dan/atau aktiviti publisiti lain yang dianjurkan oleh Penganjur sebelum |

| | |
|---|---|
| | Cabaran. Finalis Cabaran hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya dan mematuhi semua arahan munasabah yang diberikan oleh Penganjur berkaitan dengan aktiviti tersebut.<br>iii. Penyertaan dalam Cabaran adalah tertakluk kepada satu set terma dan syarat berasingan ("Peraturan Asas"), yang akan dimaklumkan dan diumumkan oleh Penganjur kepada Finalis Cabaran pada hari Cabaran.<br>iv. Tertakluk kepada pematuhan ketat Finalis Cabaran terhadap Peraturan Asas, setiap Finalis Cabaran hendaklah menyertai Cabaran yang dijalankan oleh Penganjur bagi menentukan Pemenang Hadiah Utama.<br>v. Mana-mana Finalis Cabaran yang gagal dan/atau enggan menyertai Cabaran atas apa jua sebab akan dibatalkan kelayakannya secara automatik oleh Penganjur, dan mana-mana Hadiah yang diperuntukkan kepada Finalis Cabaran tersebut akan dibatalkan.<br>vi. Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan penyertaan dalam Cabaran, termasuk sebarang perbelanjaan sampingan atau perbelanjaan yang dibayar sendiri, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Finalis Cabaran.<br>vii. Hak Finalis Cabaran untuk menyertai Cabaran adalah bersifat peribadi dan tidak boleh dipindah milik. Setiap Finalis Cabaran hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah Utama, iaitu sama ada Hadiah Utama, Hadiah Pertama atau Hadiah Sagu Hati, di sepanjang Tempoh Promosi.<br><br>d. Pengumuman Pemenang dan Finalis Cabaran akan disiarkan di Laman Web Promosi dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari permulaan Tempoh Promosi. Peserta dinasihatkan untuk menyemak Laman Web Promosi secara berkala untuk mendapatkan kemas kini.<br><br>e. Semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka yang diperlukan kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhi hadiah tersebut. Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Pemenang gagal memberikan butiran penuh mereka atas permintaan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Penyertaan atau Hadiah jika butiran peribadi Peserta atau Pemenang (termasuk nama penuh, nombor pengenalan dan nombor mudah alih) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa.<br><br>f. Penganjur berhak meminta penyerahan salinan fotokopi dokumen pengenalan dan salinan asli Bukti Pembelian seperti imej yang diterima dalam Penyertaan Layak daripada Pemenang untuk pengesahan sebelum pemenuhan Hadiah. Kegagalan untuk menyerahkan atas permintaan akan menyebabkan kehilangan kelayakan dan pembatalan. Selepas pengesahan, Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Penganjur mengesyaki bahawa Pemenang yang dikatakan telah menyerahkan Bukti Pembelian yang dicetak semula, yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli oleh Peserta. |

| | |
|---|---|
| | g. Semua Pemenang Hadiah Ganjaran Istimewa Seluruh Negara PIN Tambah Nilai TNG eWallet akan menerima kod PIN melalui Nombor WhatsApp Promosi ke nombor telefon bimbit yang dihantar semasa penyerahan Penyertaan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari pengesahan Pemenang.Penganjur tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya mana-mana PIN Tambah Nilai TNG e-Wallet tidak dapat dihantar atau disampaikan kepada Pemenang kerana sebarang perubahan atau perbezaan dalam nombor hubungan yang diserahkan semasa penyerahan Penyertaan.<br><br>h. Semua Pemenang PIN Tambah Nilai TNG eWallet mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan Hadiah.<br>i. Penebusan dan penggunaan PIN Tambah Nilai TNG tertakluk pada Terma & Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd); https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf<br><br>i. Semua Pemenang Hadiah Outlet Eksklusif akan menerima Hadiah mereka melalui kurier ke alamat yang diberikan oleh Pemenang dan/atau butiran Hadiah mereka melalui Nombor WhatsApp Promosi ke nombor telefon bimbit yang dihantar semasa penghantaran Penyertaan dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tamat Promosi. Hadiah boleh dibatalkan jika Pemenang tidak hadir di alamat mereka pada masa penghantaran.<br><br>j. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh tutup yang ditetapkan oleh Penganjur dalam pemberitahuan pemenang untuk pengambilan hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah alternatif yang sama atau lebih besar nilainya.<br><br>k. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah serta terma dan syarat yang disertakan, jika ada. Semua cukai yang dikenakan ke atas Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.<br><br>l. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.<br><br>m. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku ke atas hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti kos perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang termasuk untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang atas kos mereka sendiri. |

| | |
|---|---|
| 17. **Produk & Jenama Tidak Turut Serta:** | **Jenama NESTLÉ berikut tidak mengambil bahagian dalam promosi ini:**<br><br>1. **NESTLÉ PROFESSIONAL** (Sila rujuk di bawah untuk produk yang berkenaan)<br>2. **NESTLÉ INFANT FORMULA & FOLLOW ON FORMULA & SPECIALTIES** - LACTOGEN, NAN, NAN H.A., PRE NAN, NAN T.C., NAN LACTOSE FREE<br>3. **WYETH INFANT FORMULA, GROWING UP MILK & MATERNAL MILK** - S-26 BABY, S-26 PROGRESS, S-26 PROMISE, S-26 SMA, S-26 GOLD PROGRESS, S-26 GOLD PROMISE, ASCENDA, PROMAMA<br>4. **STARBUCKS**<br>5. **NESPRESSO**<br>6. **NESTLÉ HEALTHSCIENCE** - NOVASOURCE® RENAL, NUTREN, OPTIFAST, ORAL IMPACT, PEPTAMEN, RESOURCE FRUIT, BOOST ISOCAL<br>7. **PURINA PET CARE** - FELIX WET CAT FOOD, FANCY FEAST WET CAT FOOD, FRISKIES WET AND DRY CAT FOOD, PURINA ONE WET AND DRY CAT FOOD, SUPERCOAT DRY DOG FOOD |

| BRAND | PRODUCT |
|---|---|
| WPS STARBUCKS | SBUX WB Dark Espresso Roast 6x1kg XK |
| WPS STARBUCKS | SBUX R&G PIKE PLACE 12x9oz XK |
| WPS STARBUCKS | SBUX WPS Syrup Caramel 6x1L N1 XO |
| WPS STARBUCKS | SBUX WPS Syrup Vanilla 6x1L N1 XO |
| WPS STARBUCKS | SBUX WPS Syrup Hazelnut 6x1L N1 XO |
| COFFEE MATE® | COFFEE-MATE NDC Stk MP 2(500x5g) N3 MY |
| COFFEE MATE® | COFFEE-MATE CoffCrmr 12x1000g N2 XO |
| KITKAT® | KK HtChoc Prmx 10x960g XX |
| MILO® | MILO Activ-Go 3.2kg Softpack MY |
| MILO® | MILO ACTIV-GO Softpack 6x3.2kgN1 MY |
| MILO® | MILO ACTIVGO BPck 6x3.5kgPR300gFreeMY |
| MILO® | MILO ACTIV-GO Softpack 6x3.5kgPR300gMY |
| MILO® | MILO ACTIVGO 2(150x15g) MY |
| MILO® | MILO ACTIV-GO 3in1 Orgl Stp 6(40x33g) MY |
| MILO® | MILO Mixes 3in1 Orgl Stp 6(40x33g)N1 MY |
| MILO® | MILO ACTIVGO 2(150x15g) N1 MY |
| MILO® | MILO ACTIV-GO Hot Mix 10x960g MY |
| MILO® | MILO Triple Conc BIB Region 2x5L MY |
| MILO® | MILO Liquid Concentrate BIB 2x5L N1 MY |
| MILO® | MILO Liquid Concentrate 12x1L MY |
| MILO® | MILO Hot Mix ACTIV-GO 10x960g MY |
| NESCAFE® | NESCAFE CLASSIC Refill Pack 12x500g N1XO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | NESCAFE® | NESCAFE CLASSIC RP BPck12x550g PR50gN2MY |
| | | NESCAFE® | NESCAFE DECAF Sticks MP (280x1.7g) AU |
| | | NESCAFE® | NESCAFE GOLD Stickpack (300x2g) MY |
| | | NESCAFE® | NESCAFE CLASSIC Stp MP 2(480x2g) XO |
| | | NESCAFE® | NESCAFE CLASSIC Sachet 90x20g MY |
| | | NESCAFE® | NESCAFE Ice 10x750g N1 MY |
| | | NESCAFE® | NESCAFE White Coffee 16x1kg MY |
| | | NESCAFE® | NESCAFE High Roast 12x250g N1 MY |
| | | NESCAFE® | NESCAFE Tongkat Ali 16x1kg MY |
| | | NESCAFE® | NESCAFE ALEGRIA Delicate Pouch12x250g XI |
| | | NESCAFE® | NESCAFE Excellente 12x0.5kg VN |
| | | NESCAFE® | NESCAFE Aromatico 12x0.5kg VN |
| | | NESCAFE® | NESCAFE WB Excellente 12x0.5kg N1 VN |
| | | NESCAFE® | NESCAFE WB Aromatico 12x0.5kg N1 VN |
| | | NESCAFE® | NESCAFE WB Superiore 6x1kg RA XK |
| | | NESCAFE® | NESCAFE Tongkat Ali 16x1kg N1 MY |
| | | NESCAFE® | NESCAFE White Coffee 16x1kgN1MY |
| | | NESCAFE® | NESCAFE 2In1 16x900g N2 MY |
| | | NESCAFE® | NESCAFE Salted Caramel Latte 16x1kg MY |
| | | NESCAFE® | NESCAFE DELICATE Pouch 12x250g N1 XI |
| | | NESTEA® | NESTEA Lemon Tea 16x560g MY |
| | | NESTEA® | Nestea Lemon Tea 16x560g N1 MY |
| | | NESTEA® | Nestea Peach Tea 16x680g N1 MY |
| | | NESTEA® | NESTEANProHouseBlendExp12x200gPH |
| | | NESTEA® | NESTEA Black Tea 10x100g MY |
| | | NESTEA® | NESTEA Teh Tarik 16x960g N1 MY |
| | | NESTLÉ® | NESTLE Orange Drink 16x640gMY |
| | | NESTLÉ® | NESTLE PinkLycheeLemonade Exp 12x200g PH |
| | | NESTLÉ® | NESTLE NPro Lemonade Exp 12x200gPH |
| | | NESTLÉ® | NESTLE Complete Mix Hot Choc 12x750g AU |
| | | NESTLÉ® | NESTLE MILANO HfSkMPwdr 15.5% 10x500g XI |
| | | SJORA® | SJORA Lychee Berry 12x1L MY |
| | | SJORA® | SJORA Mango Peach Conc Rdcd Sgr 12x1L MY |
| | | SJORA® | SJORA Mango Peach Conc Rdcd Sgr 2x4L MY |
| | | SJORA® | SJORA MangoPeachConc Sgr Tax 2x4L N1XO |
| | | SJORA® | SJORA MangoPeachConc Sgr Tax 12x1L N1XO |

| BRAND | PRODUCT |
|---|---|
| BUITONI® | BUITONI Coulis de Tomate |
| MAGGI® | MAGGI NPro Mashed PotatoCmplMix6x2.5kgXK |
| MAGGI® | MAGGI Seasoning 6x800ml N1 MY |
| MAGGI® | MAGGI Spicy Liquid Seasoning 6x400ml MY |
| MAGGI® | MAGGI Beef Stock 8x1kg N1 MY |
| MAGGI® | MAGGI Chicken Stock 8x1kg N1 MY |
| MAGGI® | MAGGI Chicken Stock Wholeness 8x1KG MY |
| MAGGI® | MAGGI Demi-Glace Brown Sauce 8x1kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Ikan Bilis Stock 8x1kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Instant ChickenGravy NAMSG 8x1kgMY |
| MAGGI® | MAGGI Chef Master Stock 6x1.2kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Concentrate Veg Stock 6x1.2kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Concentrated Chkn Stock 6x1.2kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Conc Chicken Stock No MSG 6x1.2kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Tomato Paste 4x4.5kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Basic Brown Sauce Mix 8x1kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Chilli Sauce 12x1.5kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Chilli Sauce 6x3.3kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Imperial Oyster FlvSauce 6x3.3kgMY |
| MAGGI® | MAGGI Oyster Flavoured Sauce 12x1.5kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Panggang Sauce 6x1.2kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Tomato Ketchup 12x1.5kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Tomato Ketchup 6x3.3kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Cream of Mushroom Soup 8x1kg MY |
| MAGGI® | MAGGI Cukup Rasa AIO 10x750g MY |
| NESTUM | NESTUM All FamilyCerealOriginal 6x1kgMY |

***Jadual bagi Syarat Penyertaan*** *ini mesti dibaca bersama dengan* ***Syarat Penyertaan dan Notis Privasi*** *yang boleh didapati di: https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/gaji-seumur-hidup-2026, secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda").*

**B: Syarat-syarat Penyertaan**

**1. Pengenalan**

1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika di dalam kedai Outletterdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau

sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta,dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

**2. Penyertaan Peraduan**

2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.

2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.

2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

**3. Kelayakan**

3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.

3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

**4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

(a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan

(b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

**5. Perlucutan Kelayakan**

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

(a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau

(b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

(a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau

(b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

**6. Hadiah**

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara**:

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian**:

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk

perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.

6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

**7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

**8. Hak Milik Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

**9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit ) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

**10. Had Liabiliti**

10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

**11. Am**

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.

11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.

11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

**12. Notis Privasi**

**12.1** Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.

**12.2** By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.